

BAHAGIAN A

Arahan: Jawab semua soalan.

- 1 Apakah maksud beriman kepada malaikat?
 - A Percaya bahawa malaikat merupakan makhluk Allah SWT yang dijadikan daripada cahaya
 - B Mengetahui bahawa malaikat merupakan makhluk Allah SWT yang dijadikan daripada cahaya
 - C Yakin bahawa malaikat merupakan makhluk Allah SWT yang dijadikan daripada cahaya
 - D Beriman bahawa malaikat merupakan makhluk Allah SWT
- 2 Tugas malaikat Mikail ialah mengurus rezeki, menurunkan _____ dan menumbuhkan tanaman.
 - A makanan
 - B hujan
 - C nikmat
 - D harta
- 3 Tugas malaikat Malik ialah menjaga _____.
 - A neraka
 - B syurga
 - C meniup sangkakala
 - D mencabut nyawa
- 4 Tugas malaikat _____ ialah mencatat amalan jahat manusia.
 - A Raqib
 - B Atid
 - C Mikail
 - D Jibril
- 5 Antara tugas lain malaikat ialah menghamparkan _____ kepada orang yang menuntut ilmu.
 - A sejadah
 - B makanan
 - C sayap
 - D rezeki
- 6 Salah satu tugas lain malaikat ialah menanggung _____ dan sentiasa bertasbih kepada Allah SWT.
 - A kerusi
 - B beban
 - C pemerintahan
 - D arasy
- 7 Malaikat menjalankan tanggungjawab tanpa balasan _____.
 - A kebaikan
 - B keburukan
 - C pahala
 - D ganjaran
- 8 Salah satu kesan keimanan kepada malaikat ialah membentuk _____ Muslim yang sejati dengan cara melakukan suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya.
 - A peribadi
 - B jati diri
 - C personaliti
 - D cerminan
- 9 Antara kesan keimanan kepada malaikat dapat menambahkan rasa _____ untuk melakukan keburukan kerana yakin bahawa malaikat mencatat segala amalan buruk dan akan dihisab pada hari kiamat.
 - A bimbang
 - B risau
 - C peduli
 - D gerun
- 10 Keimanan kepada malaikat dapat menjadikan seseorang sentiasa berwaspada kerana setiap amalan yang dilakukan akan _____.
 - A dilihat
 - B dicatat
 - C diperhati
 - D ditegur